

8794

B B759 DEB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, 27 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI USHAH KERAJAAN MENGADAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN UNTUK RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH MERUPAKAN SATU PERJUANGAN MENEGAKKAN KEADILAN SOSIAL.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MEMPEROLEH WANG BAGI MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK SEPERTI RUMAH MURAH, BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR SERTA JALAN UNTUK GOLONGAN ITU DENGAN MENCUKAI ORANG-ORANG KAYA.

+ORANG-ORANG KAYA DI NEGARA INI DIKENAKAN CUKAI 40 SEN BAGI SETIAP RINGGIT YANG MEREKA PEROLEH DAN DARIPADA CUKAI INILAH KERAJAAN DAPAT MELAKSANAKAN PELBAGAI PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK RAKYAT MISKIN.

+TIDAKKAH MEMBINA RUMAH UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH INI MERUPAKAN SATU KEADILAN SOSIAL?+ TANYA BELIAU KETIKA BERUCAP SEBELUM MELAKUKAN UPACARA MEMECAH TANAH BAGI SEBUAH PROJEK MEMBINA 1,000 UNIT RUMAH PANGSA KOS RENDAH BERTARAF \$22,000 SETIAP SATU DI GOMBAK DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN MENGUTIP CUKAI DARIPADA ORANG KAYA DAN MELAKSANAKAN PELBAGAI PROJEK BAGI KEPENTINGAN RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH SAMA ADA DI BANDAR MAHUPUN LUAR BANDAR SEBENARNYA MERUPAKAN SATU KEADILAN SOSIAL. -- LAGI
1926MST 27 07 86

U B763 DEB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 KUALA LUMPUR

+KITA MELAKUKAN SEMUA INI KERANA KITA INSAF BAHAWA KITA DIPILIH OLEH RAKYAT UNTUK BERKHIDMAT BAGI KEPENTINGAN MEREKA,+ KATANYA.

KATANYA, BUKAN SAHAJA RAKYAT MISKIN DI LUAR BANDAR DI BANTU TETAPI JUGA DI BANDAR TIDAK DILUPAKAN KERANA KERAJAAN INGIN MENSEIMBANGKAN TARAF HIDUP ANTARA RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH DENGAN GOLONGAN KAYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN PERIKATAN DAN SEKARANG BARISAN NASIONAL TIDAK MEMPUNYAI NIAT LAIN SELAIN MENOLONG RAKYAT.

+MEMANG BENAR KITA TIDAK BOLEH MEMUASKAN HATI SENGA RAKYAT KERANA TIDAK ADA KERAJAAN DALAM DUNIA INI BOLEH BERBUAT DEMIKIAN TETAPI KITA AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA KERAJAAN TIDAK SENANG HATI MELIHAT RAKYAT HIDUP DALAM RUMAH-RUMAH SETINGGAN, KERAJAAN MELAKSANAKAN PROJEK UNTUK MEMBINA 80,000 UNIT RUMAH KOS RENDAH SETAHUN. -- LAGI
1946MST 27 07 86

0832

U 8777 DEB

ULANGAN BERITA D BOB BERTAJUK MAHATHIR - PEMBANGUNAN 3 KUALA LUMPUR

DENGAN PEMBETULAN) R R R

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA KERAJAAN SEDAR BAHAWA RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH MEMERLUKAN RUMAH YANG SEMPURNA UNTUK HIDUP SELESA DENGAN HARGA YANG MAMPU MEREKA BELI.

BELIAU BERKATA OLEH ITU KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA BAGAIMANA HARGA RUMAH KOS RENDAH DAPAT DITURUNKAN LAGI DARIPADA \$25,000 SEKARANG INI KEPADA HARGA YANG LEBIH MURAH SEPERTI \$22,000 YANG AKAN DIBINA DI GOMBAK ITU. UNIT DI PROJEK ITU DILENGKAPI DENGAN KEMUDAHAN GAS BERPAIP DAN TALIAN TELEFON.

DATUK SERI DR MAHATHIR SELANJUTNYA BERKATA \$1,000 JUTA DIPERUNTUKKAN UNTUK PELBAGAI PROJEK BAGI KEPENTINGAN PENDUDUK KAWASAN BATU DAN SEBANYAK \$500 JUTA SETAKAT INI TELAH DIBELANJAKAN.

SEBELUM ITU KETIKA MELANCARKAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA PASAR KERAMAT DAN PROJEK PUSAT PENIAGAAN DI SITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEDIA MENGAJAI UNTUK MELANJUTKAN TEMPOH PEMAJAKAN TANAH DI KERAMAT DARIPADA 30 TAHUN SEKARANG KEPADA 99 TAHUN.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA KERAJAAN TIDAK PERNAH MEMBUAT JANJI-JANJI KOSONG KEPADA RAKYAT DAN INI DAPAT DILIHAT DARIPADA PELBAGAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG DILAKSANAKAN SEJAK MERDEKA.

--BERNAMA

2036MST 27 07 86